

30 JUL 1996

SAYA SIHAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau merasa sihat selepas mengidap demam selsema baru-baru ini.

"Saya rasa sihat," katanya kepada pemberita apabila ditanya tentang keadaan kesihatannya selepas beliau merasmikan pembukaan Persidangan Minyak dan Gas Asia yang pertama di sini.

Terdapat kebimbangan mengenai kesihatan beliau, dan prestasi pasaran saham tempatan yang agak lemah minggu lalu dikaitkan dengan kemerosotan kesihatan beliau.

Perdana Menteri membatalkan beberapa temujanji minggu lalu dan hanya muncul semalam untuk merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi Kedua yang akan berlangsung selama tiga hari di pulau peranginan itu. -- BERNAMA

DVS KY/sia